

Penduduk lega dapat dewan baharu

Penantian selama 10 tahun tertunai apabila projek direalisasikan MDKL dengan kos RM1.4 juta

BANTING BARU - Persatuan Penduduk Taman Banting Baru lega apabila penantian hampir 10 tahun bagi mendapatkan sebuah dewan baharu di situ tercapai apabila kerja pecah tanah bagi tujuan berkenaan dilaksanakan, semalam.

Projek pembinaan sebuah dewan baharu dengan kos RM1.4 juta itu dilaksanakan di atas sebuah tanah berkeluasan 2,424 meter persegi dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali mengakui sebuah dewan baharu seperti dimohon persatuan penduduk berkenaan sememangnya diperlukan sebagai kemudahan untuk melakukan pelbagai aktiviti.

"Mujur pihak pemaui sudah sediakan tapak dewan. Taman Banting Baru pernah dinobatkan sebagai Zon Bersih Peringkat Negeri Selangor pada 2013 dan ketika itu terdapat wakil penduduk memohon dewan



Azhar bersama sebahagian hadirin memperlihatkan rasa puas hati dengan reka bentuk dewan yang bakal dibina.

sebagai platform untuk menyajikan pelbagai aktiviti. Hari ini (semalam) hasrat itu kita tunaikan.

"Kita akan pastikan dewan baru itu disiapkan dalam tempoh ditetapkan,

termasuk kemudahan dua gelanggang badminton, tandas dan sistem pendingin hawa yang lengkap," katanya sempena Majlis Pecah Tanah Membina Dewan MDKL Taman

Banting Baru, di sini, semalam.

Mohd Azhar berkata, peruntukan daripada MDKL dimanfaatkan sepenuhnya bagi membina dewan berkenaan kerana sebelum ini, penduduk terpaksa menyewa dewan atau menjalankan aktiviti di luar kawasan.

Beliau berharap, dewan yang disediakan lebih moden dan menarik itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk selain mengekalkan status taman sebagai zon bersih.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Banting Baru, Mohd Safiee Harun berkata, selepas ini banyak lagi aktiviti kemasyarakatan dapat dilaksanakan di kawasan yang penduduknya sudah mencecah 6,000 dengan limpahan pelajar kolej berhampiran menyewa rumah-rumah di situ.

"Kita yakin selepas ada dewan nanti, usaha mengaktifkan aktiviti di taman ini dapat ditingkatkan selain boleh menarik penglibatan golongan muda," katanya.

Penduduk, Basir Abd Rahman, 65, mereka mula merancang pelbagai aktiviti selepas menerima makluman sebuah dewan bakal dibina di situ serta bakal siap pada tahun depan.

"Saya lega sebab permohonan saya masa jadi pengerusi taman empat tahun lepas ditunaikan," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Kelab Bella Taman Banting Baru, Zakaria Deraman, 37, memaklumkan, dia sering mendengar rungutan daripada golongan muda mengenai kemudahan sukan di kawasan itu.

Katanya, selain gelanggang futsal, tiada kemudahan sukan lain disediakan untuk golongan belia termasuk untuk bermain badminton dan mereka terpaksa sewa gelanggang di kawasan agak jauh seperti Dewan Sri Jugra, Telok Datok.

"Bila ada dewan di sini, bermacam-macam aktiviti dapat dianjurkan termasuk aktiviti kemasyarakatan. Saya harap enam bulan lagi, dewan ini dapat digunakan," katanya.

9 premis diarah tutup

BANTING - Sebanyak 125 premis makanan di Kuala Langat diperiksa dengan sembilan premis diarah tutup (maksimum 14 hari) kerana penilaian termasuk tahap kebersihan di bawah 65 peratus dan wujudnya urungan tikus dan lipas.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Prema Rajendra berkata, sebanyak 80 notis kesalahan untuk hadir ke mahkamah telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Menurutnya, satu Operasi Bersepadu Premis Makanan Bersih Siri 23/2016 dianjurkan Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri (UIPN), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan diselaraskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat pada 15 Disember lalu.

Operasi turut melibatkan mobilisasi anggota penguat kuasa kesihatan daripada semua Pejabat Kesihatan Daerah di Selangor termasuk Pejabat Kesihatan KLIA dan Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang.

Operasi bertujuan memastikan premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk dikunjungi serta

makanan dijual selamat dimakan bagi mengelakkan berlaku jangkitan penyakit bawaan air dan makanan seperti typhoid, kolera dan keracunan makanan.

"Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah dijalankan bagi memastikan setiap pengusaha dan pengendali makanan mematuhi standard kualiti ditetapkan," katanya ketika mengulas mengenai viral yang tersebar selepas sebuah premis makanan segera ditutup, minggu lalu.

Beliau memaklumkan, hampir 100 anggota penguat kuasa kesihatan (Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran) dari seluruh Selangor berada di kawasan Banting selama sehari untuk operasi bersepadu melibatkan 27 pasukan.

Katanya, antara kesalahan utama dikesan pada operasi tersebut adalah, tiada suntikan anti-typhoid atau tamat tempoh suntikan, pengendali makanan tiada rekod mengikut kursus pengendali makanan, tahap kebersihan diri pengendali makanan rendah (tidak berkasut, berku-

ku panjang, tiada pemakaian apron dan penutup kepala).

"Pemeriksaan turut merangkumi tempat penyediaan makanan, peralatan makanan, ruang penyimpanan makanan, kebersihan tandas dan tong sampah di premis. Kebanyakan pengusaha makanan didapati tidak mempunyai amalan baik menyebabkan premis menjadi tempat pembiakan serangga seperti lipas, alat dan tikus.

"Terdapat beberapa premis diarahkan tutup berdasarkan penemuan bukti urungan dan najis tikus atau lipas di kawasan penyediaan makanan (pelanggaran Akta Makanan 1983)," katanya.

Beliau menegaskan, bagi memastikan kejayaan program kesihatan sepenuhnya, aktiviti pendidikan kesihatan, perwujudan perkhidmatan sokongan serta penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Mengulas perancangan tahun depan, beliau berkata, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat bakal mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan bagi memastikan pengusaha dan pengendali makanan mematuhi semua peraturan ditetapkan.

Saksikan motivasi santai bersama penulis Karya Bestari
PROF MADYA DR MOHD NOR MAMAT

Membincangkan Tentang
"Pendosa Ke Syurga?"

Dalam Program
SALAM DUHA @ ASTRO OASIS
Saluran 106
SETIAP SABTU | 9.00 PAGI

Dapatkan buku-buku beliau di kedai buku berhampiran atau beli secara pos melalui Karangkraf Mall. Anda cuma perlu Whatsapp di talian 0192297227 atau layari mall.karangkraf.com

Karya Bestari Sdn Bhd | @KaryaBestari | #KaryaBestari | #KaryaBestariKualaLangat